ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DARI Abi Hurairah Radhiallahuanhu berkata : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesiapa berbuka satu hari pada bulan Ramadan tanpa ada rukhsah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat menggantikan puasa yang ditinggalkan itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup". (Riwayat Imam At-Tirmidzi).**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.05 | SUBUH 5.15 | SYURUK 6.33 | DUHA 6.56 | ZUHUR 12.34 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.34 | ISYAK 7.43
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 24 | 25 FEBRUARI 2026 / 1447 رمضان 7 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN KUWAIT





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness Sheikh Ahmad Abdullah Al-Ahmad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness Sheikh Ahmad Abdullah Al-Ahmad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait serta ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan juga rakyat Kuwait bersempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait yang Ke-65 Tahun.

# Berangkat ke Majlis Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan NBD Ke-42 Tahun



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka adinda menadah tangan ketika doa dibacakan. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

42 ٤٢ برساتو منچاڤاي چيتا نݢارا Bersatu Mencapai Cita Negara 23 Februari 2026

**KIARONG**, Isnin, 23 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, tengah hari tadi.

>> Muka 3

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama




KEMENTERIAN Kewangan dan Ekonomi bertahlil di Kubah Makam Diraja
Muka 6



MAJLIS Tadarus JPM buka tirai
Muka 9



PUPUK nilai kesetiaan, kecintaan kepada negara
Muka 12



RENCANA
SYUKURI kemerdekaan pada bulan mulia
Muka 20

# Memacu pembangunan negara ke arah pertumbuhan inklusif dan mampan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.**

**SYUKUR** ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapat dapatlah kita meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) kali Ke-42 dengan tema Bersatu Mencapai Cita Negara.

Sambutan kali ini sangat istimewa kerana bertepatan dengan bulan Ramadan Al-Mubarak. Kedua-duanya mengingatkan kita bahawa kemerdekaan dan puasa Ramadan tidak akan menjadi kenyataan tanpa pengorbanan, kesabaran dan keikhlasan hati kita. Sambil itu, kita juga terus membina semangat membangun ekonomi bagi kesejahteraan rakyat dan negara.

Kita mengucapkan syukur, usaha mempelbagaikan ekonomi negara menerusi keutamaan Economic Blueprint terus dipergiat. Antaranya pembangunan ekosistem *maritime* yang mendukung aktiviti *transshipment* melalui penyediaan kawasan Ship-to-Ship Lay-up Designated Area. Ini bukan sahaja mengurangkan kos logistik, malah berupaya meningkatkan daya saing perniagaan tempatan di peringkat serantau serta berpotensi untuk membuka peluang-peluang ekonomi baharu.

Seiring dengan perkembangan teknologi global, negara juga turut memberikan perhatian kepada pembangunan pusat data berasaskan kecerdasan buatan ataupun Artificial Intelligence (AI). Selain membina keupayaan AI tempatan melalui usaha sama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) tempatan, inisiatif ini juga dapat memperkukuh pembangunan teknologi strategik, memastikan keselamatan data dan memacu inovasi digital.

Aspek keselamatan makanan negara juga terus diberikan perhatian. Ini merangkumi kerjasama strategik serantau termasuk pembangunan zon makanan bersama antara NBD dan Republik Singapura melalui Brunei-Singapore Agri-Tech Food Zone. Kerjasama ini akan memperkukuhkan lagi rantaian bekalan makanan dan berpotensi menjana peluang pekerjaan dan perniagaan tempatan bagi kedua-dua buah negara.

Kerajaan beta juga terus mempergiat pertumbuhan dalam sektor-sektor pelancongan yang berfokuskan kepada Eko-Pelancongan. Bidang ini adalah antara lain yang menjadi keutamaan agenda pembangunan negara menerusi pelancaran Tahun Melawat Brunei 2027 yang bertepatan dengan Sambutan Jubli Intan Beta Menaiki Takhta pada tahun hadapan.

Kesemua inisiatif ini, termasuk yang digariskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam mentransformasikan landskap ekonomi negara serta memastikan setiap elemen pembangunan ekonomi saling berkait dan menyokong antara satu sama lain bagi menghasilkan pertumbuhan yang inklusif dan mampan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Beta menggesa para usahawan tempatan untuk memanfaatkan peluang ini sebaiknya selain terus berganding bahu dengan Kerajaan dalam merancakkan lagi aktiviti-aktiviti perekonomian negara.

Sebagai dukungan ke arah ini, sistem pendidikan negara perlu terus melalui proses penambahbaikan yang strategik untuk melahirkan bakat-bakat muda yang bukan sekadar menguasai ilmu pengetahuan malah menjadi usahawan-usahawan yang berkemahiran.

>> Muka 8



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali Ke-42 Tahun 2026 pada Ahad 22 Februari 2026.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| FEBRUARI MASIHI | HARI | RAMADAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 | RABU | 7 | 5 . 05 | 5 . 15 | 6 . 33 | 6 . 56 | 12 . 34 | 3 . 52 | 6 . 34 | 7 . 43 |
| 26 | KHAMIS | 8 | 5 . 05 | 5 . 15 | 6 . 33 | 6 . 55 | 12 . 34 | 3 . 51 | 6 . 34 | 7 . 43 |
| 27 | JUMAAT | 9 | 5 . 05 | 5 . 15 | 6 . 33 | 6 . 55 | 12 . 34 | 3 . 51 | 6 . 34 | 7 . 43 |
| 28 | SABTU | 10 | 5 . 05 | 5 . 15 | 6 . 32 | 6 . 55 | 12 . 34 | 3 . 50 | 6 . 33 | 7 . 43 |
| 1 MAC | AHAD | 11 | 5 . 04 | 5 . 14 | 6 . 32 | 6 . 54 | 12 . 34 | 3 . 50 | 6 . 33 | 7 . 43 |
| 2 | ISNIN | 12 | 5 . 04 | 5 . 14 | 6 . 32 | 6 . 54 | 12 . 34 | 3 . 49 | 6 . 33 | 7 . 43 |
| 3 | SELASA | 13 | 5 . 04 | 5 . 14 | 6 . 31 | 6 . 54 | 12 . 33 | 3 . 49 | 6 . 33 | 7 . 43 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 30 / 23 °C | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 29 / 23 °C | 30 / 24 °C | 29 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 30 / 24 °C | 29 / 24 °C | 29 / 24 °C |
| Kuala Belait | 30 / 23 °C | 29 / 24 °C | 29 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 25 FEBRUARI 2026

# Ramadan dan Patriotisme

**PADA** tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut Hari Kebangsaan Ke-42 dengan penuh kesyukuran. Kesyukuran kerana berada di dalam bulan Ramadan. Sambutan pada tahun ini dipenuhi dengan aktiviti keagamaan seperti Majlis Kesyukuran diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat seluruh negara, selain itu diadakan juga munajat khas dan forum khas bagi mendidik anak bangsa untuk sentiasa menjaga negara tercinta. Semangat Patriotisme mesti dihayati oleh golongan remaja dan generasi baharu dengan menghayati dan mengamalkan sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah berjaya menerapkan semangat cintakan negara dan agama, membina generasi para sahabat yang kuat serta mempunyai kemantapan peribadi dan sifat ketakwaan yang tinggi seperti Saidina Ali bin Abi Talib. Meskipun usia beliau masih muda, namun beliau berjaya muncul sebagai seorang pahlawan gagah berani yang boleh diteladani oleh semua golongan remaja pada hari ini. Meneladani kisah-kisah ini meningkatkan semangat kecintaan kepada negara. Seterusnya, dengan mengambil berkat bulan Ramadan, kita akan disajikan dengan ceramah-ceramah, tazkirah-tazkirah untuk menyuntik semangat kecintaan kepada negara.

Sifat cintakan tanah air merupakan salah sifat yang terpuji dan amat dituntut. Akan tetapi, agama melarang sifat *ta'assub* (fanatik) terhadap sesuatu bangsa atau kaum kerana agama ini bersifat rahmat kepada seluruh alam.

Rasulullah memberikan contoh mencintai tanah air seperti ketika Baginda mencintai Mekah dan Madinah, kerana dua tempat mulia tersebut merupakan tanah air Baginda. Mencintai tanah air adalah sebahagian dari iman kerana tanah air ini tempat mendidik agama dan bangsa.

Di bulan Ramadan ini, marilah kita sama-sama menyambut Hari Kebangsaan dengan mengisi, hiasi, tanami, pelihara, tatang, bangunkan, majukan, lindungi dan bela negara ini dengan zikir. InsyaaAllah, dengan cara ini, negara akan benar-benar menjadi Negara Zikir seperti yang dijanjikan oleh Al-Quran, 'Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur', iaitu negeri yang baik lagi mendapat keampunan daripada Tuhan Yang Maha Pengampun. Selain daripada amalan ibadah yang tersedia di bulan ramadan ini, kita boleh juga mengambil kesempatan membaca Al-Quran dengan niat NBD sentiasa dalam rahmat, berkat, perlindungan dari Allah dari apa jua anasir-anasir yang tidak baik.

Sekian, sidang pengarang buat keluaran kali ini membawa pembaca bersama-sama menghayati erti kemerdekaan di bulan penuh berkat dan mulia ini.

Semangat patriotisme tidak kurang tetapi ia makin bertambah kerana menjaga kedaulatan negara yang tercinta. Kita penuhi hari-hari kita dengan amalan-amalan yang menambah pahala. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوليه جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوليه قرينت قلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN NBD KE-42 TAHUN



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Arifah Mohammad Aliwaridi

>> Muka 1

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta kerabat diraja seterusnya berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang juga diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim yang juga seterusnya memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan Doa Kesyukuran.

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026 turut diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid di daerah-daerah lain juga sebagai tumpuan utama majlis.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026. Turut berangkat ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas dan atas kanan).**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta kerabat diraja semasa membaca Surah Yaa Siin (atas). Manakala gambar kanan dan bawah, antara jemaah yang hadir pada majlis tersebut yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.**





PELITA BRUNEI

# MUNAJAT KHAS SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026

## Daerah Brunei dan Muara

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Februari. – Dalam usaha mencapai wawasan negara, kita perlu menerapkan beberapa aspek penting daripada sisi agama Islam.

Pertama ialah mengukuhkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dengan memelihara segala perintah-Nya, beriman dengan sebenar-benar iman, memperbanyakkan amal soleh dan istiqamah dalam menghambakan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua ialah membina dan mengukuhkan perpaduan, kerana setiap perancangan akan lebih mudah dan efektif apabila dilaksanakan secara bersama, saling melengkapi antara satu dengan yang lain serta bersatu hati dan jiwa dalam mewujudkan wawasan negara.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, bagi menyerikan Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-220 dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 yang diadakan secara fizikal dengan tumpuan utama masjid di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, pagi tadi.

Jelasnya lagi, inilah antara faktor yang menjadikan sesebuah negara Islam sentiasa maju dan gemilang. Apabila agama menjadi keutamaan dalam setiap aspek kehidupan serta perpaduan dijadikan kekuatan, maka usaha membina sebuah negara yang makmur dan sejahtera akan dapat direalisasikan.

Hadir sama, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli MUIB, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta warga kementerian-kementerian; anggota ABDB serta ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah yang hadir secara fizikal dan maya.

Juga mengikuti secara maya ialah guru-guru dan para pelajar dari sekolah-sekolah Arab, ugama, rendah serta swasta di seluruh negara.

Terdahulu itu, acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kemudian, majlis diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Manakala, Doa Munajat Khas dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, JPM, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Majlis diteruskan dengan bacaan Tadabbur Al-Quran oleh Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, iaitu johan qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi; Awang Haji Awang Mohamad Zul-Hafiz bin Awang Tengah, iaitu johan qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442H/2021M dan 1443H / 2022M; dan Awang Haji Hazwan bin Haji Salim, iaitu johan qari Musabaqah Tilawah Quran Belia Kebangsaan Tahun 1443H/2022M.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika hadir pada Munajat Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 (atas). Manakala gambar kiri, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei ketika menyampaikan tazkirah.

Sejurus selesai tazkirah, majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, JHEM, KHEU, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Munajat Khas anjuran KHEU dengan kerjasama KKBS sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 bertujuan untuk memupuk kesedaran dan penghayatan bahawa kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan negara adalah nikmat yang wajib disyukuri serta dipelihara bersama.

Melalui munajat yang dipanjatkan, seluruh rakyat dan penduduk NBD diseru untuk memperkukuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memohon keberkatan, perlindungan serta rahmat-Nya agar negara terus kekal aman, stabil dan makmur di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penganjuran berkenaan juga mencerminkan semangat perpaduan dan kerjasama antara agensi kerajaan serta seluruh lapisan masyarakat dalam menghayati erti kemerdekaan dan kedaulatan negara, selaras dengan tema Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

## Daerah Temburong

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**TEMBURONG**, Selasa, 24 Februari. - Munajat Khas Kali Ke-220 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 telah diadakan pada pagi tadi di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Majlis anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berkenaan berlangsung secara serentak di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Para jemaah yang hadir di Masjid Utama Mohammad Salleh kemudian mengikuti Munajat Khas secara maya dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Di samping itu, para jemaah turut memperdengarkan tazkirah secara maya dari masjid berkenaan yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Tazkirah antara lain menjelaskan bahawa seseorang perlu mengutamakan agama Islam dengan memperkukuh hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala serta membina perpaduan antara rakyat dalam usaha mencapai wawasan negara.

Apabila agama menjadi keutamaan dan perpaduan dijadikan kekuatan, negara akan dapat dibina menjadi makmur, sejahtera dan gemilang.

Majlis berkenaan bertujuan memupuk kesedaran dan penghayatan bahawa kemakmuran, keamanan, serta kesejahteraan negara adalah nikmat yang wajib disyukuri dan dipelihara bersama.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika hadir pada Munajat Khas di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas). Sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.



# MUNAJAT KHAS SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026

## Daerah Tutong





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Munajat Khas di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**

**TUTONG**, Selasa, 24 Februari. - Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-220 dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 telah diadakan secara maya.

Munajat Khas tersebut diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah sebagai tumpuan utama majlis dan tumpuan utama bagi Daerah Tutong diadakan secara fizikal pagi tadi di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Yang Mulia Timbalan - timbalan Menteri; pegawai-pegawai kanan serta warga kementerian-kementerian serta ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah yang hadir secara fizikal dan maya.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Seterusnya secara maya dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien, dengan mendengarkan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat I, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohd. Waiz bin Tajuddin.

Kemudian bacaan Doa Munajat Khas dan disusuli dengan bacaan Tadabbur Al-Quran dan sejurus selesai tazkirah, diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD.

Antara inti pati tazkirah menyentuh mengenai usaha kita dalam merealisasikan wawasan negara, kita perlu menerapkan beberapa aspek penting dari sisi agama Islam iaitu mengukuhkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dengan memelihara segala perintah-Nya, beriman dengan sebenar-benar iman, memperbanyak amal soleh dan istiqamah dalam menghambakan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tazkirah tersebut disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Munajat Khas anjuran KHEU dengan kerjasama KKBS sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 bertujuan untuk memupuk kesedaran dan penghayatan bahawa kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan negara adalah nikmat yang wajib disyukuri serta dipelihara bersama.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan ketika hadir pada Munajat Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait (atas). Sementara gambar kanan, antara jemaah perempuan yang hadir pada majlis berkenaan.**

## Daerah Belait

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Nurdiyanah Rajami**



**BELAIT**, Selasa, 24 Februari. – Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-220 dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 yang diadakan secara fizikal pada pagi tadi dengan tumpuan utama majlis di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan turut dilaksanakan diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah sebagai tumpuan utama majlis.

Di Daerah Belait, masjid tumpuan utama ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

Manakala, Doa Munajat Khas dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Majlis diteruskan dengan bacaan Tadabbur Al-Quran oleh Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, iaitu johan qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi; Awang Haji Awang Mohamad Zul-Hafiz bin Awang Tengah, iaitu johan qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442H / 2021M dan 1443H / 2022M; dan Awang Haji Hazwan bin Haji Salim, iaitu johan qari Musabaqah Tilawah Quran Belia Kebangsaan Tahun 1443H / 2022M.

Seterusnya, tazkirah disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, KHEU, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Antara yang turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait; dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, selaku Ketua Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait; serta Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli MUIB, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta warga kementerian-kementerian, anggota ABDB serta ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah yang hadir secara fizikal dan maya.

Turut mengikuti secara maya ialah guru-guru dan para pelajar dari sekolah-sekolah Arab, ugama, rendah serta swasta di seluruh negara.

Melalui munajat yang dipanjatkan, seluruh rakyat dan penduduk NBD diseru untuk memperkukuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memohon keberkatan, perlindungan serta rahmat-Nya agar negara terus kekal aman, stabil dan makmur di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penganjuran berkenaan juga mencerminkan semangat perpaduan dan kerjasama antara agensi kerajaan serta seluruh lapisan masyarakat dalam menghayati erti kemerdekaan dan kedaulatan negara, selaras dengan tema Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

# Ramadan terus disemarakkan dengan Tadarus Al-Quran

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 bagi malam keenam (kanan). Manakala gambar atas, sebahagian para jemaah perempuan yang hadir pada majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Februari. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diteruskan bagi malam keenam dengan kehadiran kira-kira 800 orang di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, seterusnya Sembahyang Sunat Witir dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah.

Majlis disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, di surau berasingan bagi jemaah perempuan, Sembahyang Fardu Isyak diimamkan oleh Dayang Shariani binti Awang Asma Jalil, manakala Sembahyang Sunat Witir dan Sembahyang Sunat Tarawih diimamkan oleh Dayang Alas Saririah @ Nur Syahirah Az Zahra binti Haji Sulaiman.

Majlis diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Hidupkan Bulan Ramadan dengan Asmaul Husna : Ar Razzaq (Yang Maha Pemberi Rezeki)'.

Bagi jemaah lelaki, tazkirah disampaikan oleh Awang Mohammad Nasyith bin Superi; manakala bagi jemaah perempuan, tazkirah disampaikan oleh Dayang Rossne bin Abd. Rahman.

Turut hadir, guru-guru dan pegawai-pegawai Sekolah Ugama Kawasan Brunei IIB, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

# KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada Majlis Bertahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong (atas dan atas kiri).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) serta jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertahlil sempena bulan Ramadan bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir menyertai bersama rombongan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai dan kakitangan lelaki yang beragama Islam MOFE serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, Awang Faisal bin Janip / Rosli.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan MOFE di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian ini serta jabatan-jabatan di dalamnya. Adapun majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Pelaburan, MOFE.

## Waktu operasi kaunter perkhidmatan, pusat panggilan sepanjang Ramadan

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Februari. - Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu operasi kaunter perkhidmatan serta pusat panggilan di Jabatan Perbendaharaan sepanjang bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi adalah seperti berikut.

Bagi Kaunter Bahagian Pembayaran dan Kutipan Hasil, Bangunan MOFE; Kaunter Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Bangunan MOFE; Kaunter Bahagian Pembayaran dan Kutipan Hasil, Pejabat Perbendaharaan Cawangan Tutong; Kaunter Bahagian Pembayaran dan Kutipan Hasil, Pejabat Perbendaharaan Cawangan Kuala Belait; Kaunter Bahagian Pembayaran dan Kutipan Hasil, Pejabat Perbendaharaan Cawangan Temburong; dan Pusat Perkhidmatan Pelanggan Jabatan Perbendaharaan, waktu operasi adalah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Manakala bagi Kaunter Unit Penjualan dan Hasil, Kompleks Stor Gadong pula, waktu operasi adalah pada Isnin hingga Khamis, jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari; sementara pada Sabtu, jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.

# MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDU ZUHUR BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YAA SIIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026

## Daerah Belait

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

**BELAIT,** Isnin, 23 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Ke-42, Tahun 2026 turut diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid di daerah-daerah lain juga sebagai tumpuan utama majlis.

Di Daerah Belait, masjid tumpuan utama ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Pada majlis berkenaan, para jemputan yang hadir dan jemaah masjid bersama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

Seterusnya, majlis diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Afiq Haririe.

Manakala, Doa Kesyukuran pula diketuai oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Aliyani bin Ismail.

Sambutan HK NBD Ke-42 pada tahun ini disambut agak istimewa kerana diadakan bulan suci Ramadan. Sambutan berbentuk keagamaan berkenaan adalah selaras dengan prinsip negara selaku sebuah Negara Zikir.

Dalam pada itu, sepanjang 42 tahun kemerdekaan berkenaan, NBD telah mencapai pelbagai kejayaan dalam bidang pendidikan, kesihatan, ekonomi dan pembangunan sosial.

## Daerah Tutong

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat majlis yang diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (atas dan kanan).**

**TUTONG**, Isnin, 23 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah.

Di Daerah Tutong, tumpuan majlis kesyukuran tersebut berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh imam masjid tersebut, Awang Mohammad Waiz bin Tajudin.

Sementara itu, bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh imam masjid tersebut, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof, manakala bacaan Doa Kesyukuran sempena menyambut Ulang Tahun HK NBD Ke-42, dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub selaku Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong, dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Tutong.



## Daerah Temburong

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**TEMBURONG**, Isnin, 23 Februari. - Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar hari ini menjadi tumpuan bagi Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Temburong dengan tema sambutan kali ini 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Menyertai para jemaah pada majlis berkenaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-piasau, Daerah Temburong; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar, para pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para jemaah masjid.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Masjid berkenaan, Awang Norezam bin Haji Zaini, dan disusuli dengan sembahyang Sunat Ba'diah.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Manakala, Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Harris Hamdillah bin Haji Masri.

Majlis keagamaan yang diadakan setiap tahun di ambang Sambutan Ulang Tahun HK NBD berkenaan adalah penzahiran kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana atas limpah kurnia rahmat-Nya jua bumi NBD terus dikurniakan keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang berpanjangan sepanjang 42 tahun mengecapi kemanisan sebagai sebuah negara merdeka, dan di bawah kepimpinan seorang raja yang bijaksana dan dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dapat menjalani kehidupan dalam keadaan selesa, bahagia dan aman damai.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.**

PELITA BRUNEI

# KEMENTERIAN KESIHATAN SEMARAKKAN MAJLIS BERTADARUS ISTANA NURUL IMAN



**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi malam ketujuh di Surau Istana Nurul Iman (kiri). Sementara gambar bawah kiri, sebahagian para jemaah perempuan yang hadir pada majlis tersebut.**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 Februari. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan bagi malam ketujuh dengan kehadiran kira-kira 700 orang di dua tempat berasingan di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, seterusnya Sembahyang Sunat Witir dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah.

Tazkirah bertajuk 'Hidupkan Bulan Ramadan dengan Asmaul Husna : At-Tawwab (Yang Maha Penerima Taubat)' turut menyerikan lagi acara berkenaan, masing-masing disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang di ruangan jemaah lelaki, manakala Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Dayang Nurhuwaina binti Mamud pula di ruangan jemaah perempuan.

Turut hadir menyerikan majlis di ruangan jemaah perempuan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir pada majlis berkenaan ialah pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan.

# Tadarus Al-Quran KHEDN semarakkan bulan Ramadan





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat ketika menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG**, Selasa, 24 Februari. - Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihidi Daerah Tutong telah diadakan petang tadi bertempat di Masjid Kampung Layong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli MPMK Daerah Tutong berserta penduduk kampung sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan Majlis Bacaan Tadarus Al-Quran dan bacaan Tahlil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd. Nazelley bin Noorashid.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan wakaf yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Antara lain tujuan majlis itu diadakan ialah untuk menjalinkan hubungan yang erat di kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Ahli-ahli MPMK dan pemimpin akar umbi serta menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.

## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Sempena Hari Kebangsaan ini, beta menyeru kepada seluruh warga perkhidmatan awam, swasta dan rakyat dan penduduk NBD khasnya golongan belia, untuk terus meningkatkan dan menyemarakkan semangat patriotisme melalui penglibatan aktif dalam komuniti dan aktiviti kemasyarakatan.

Akhirnya, beta sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua petugas-petugas serta ahli-ahli jawatankuasa yang sama-sama terlibat menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42 pada tahun ini, dalam suasana sambutan yang berbeza namun tetap bermakna.

Sekali lagi, beta merakamkan ucapan terima kasih dan selamat menyambut Hari Kebangsaan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di dalam dan di luar negeri dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah jua, Amin.

Sekian, *Wabillahi Taufeq WalHidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# MAJLIS TADARUS JPM BUKA TIRAI





**YANG Mulia Timbalan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku ketua rombongan pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan sumbangan wakaf kepada Imam Masjid RPN Kampung Rataie (atas dan atas kiri).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TEMBURONG**, Selasa, 24 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini membuka tirai Majlis Tadarus sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Daerah Temburong, di sini.

Majlis Tadarus berkenaan dikelolakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

Hadir selaku ketua rombongan pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir juga selaku Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau.

Juga hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar serta Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan Jabatan-jabatan dibawahnya.

Majlis didahului dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa barang keperluan masjid yang disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri di JPM kepada Imam Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Mahdini bin Kamis.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan tadarus Al-Quran bermula dari juzuk 1 yang dimulakan oleh ketua rombongan majlis. Majlis turut diberkati dengan bacaan doa selamat dan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis-majlis keagamaan di bulan Ramadan seumpama ini adalah salah satu daripada aktiviti tahunan JPM bagi mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini, serta merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

# Ceramah Khas semarakkan bulan Ramadan 1447H

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**
**Foto : Ihsan Borneo Bulletin, Media Permata**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Februari. – Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Ceramah Khas Bagi Pegawai dan Kakitangan Wanita sempena bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis berkenaan berlangsung di Dewan Teater, Bangunan MOFE.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan wanita MOFE berserta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian sebuah Ceramah Khas bertajuk 'Meniti Usia Yang Tersisa' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pensyarah Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz.

Majlis seumpama berkenaan adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan MOFE di samping mengeratkan silaturahim antara pegawai - pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Pelaburan, MOFE.





**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas kiri). Manakala gambar atas dan kiri, sekitar majlis tersebut.**

# Gegaran gempa bumi Sabah dirasai di beberapa kawasan NBD

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Februari. - Pusat Kaji Gempa Nasional Brunei (NSC), Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya ingin memaklumkan mengenai satu kejadian gempa bumi kuat telah berlaku pada jam 00.57.45 pagi waktu tempatan, Isnin, 23 Februari 2026.

Gempa bumi berkenaan mencatat magnitud 6.9 magnitud (Mb) dengan kedalaman fokus sekitar 600 kilometer (km).

Pusat gempa adalah di kawasan Sabah, Malaysia, kira-kira 19km dari Kampung Mantanani dan 256km di timur laut Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kejadian berkenaan turut dikesan oleh stesen-stesen seismik tempatan di NBD. Beberapa kawasan di negara ini dilaporkan telah merasai gegaran ringan susulan kejadian berkenaan.

Walau bagaimanapun, gegaran yang dirasai adalah tidak signifikan dan tidak menimbulkan sebarang ancaman atau risiko kepada keselamatan orang ramai mahupun infrastruktur.

Gempa bumi berkenaan tidak menimbulkan sebarang potensi bahaya kepada NBD.

NSC akan terus memantau keadaan seismik di rantau ini dan akan memaklumkan perkembangan lanjut sekiranya terdapat maklumat tambahan yang signifikan.

Sekiranya memerlukan bantuan kecemasan, orang ramai bolehlah terus menghubungi Ambulans melalui Hotline 991, Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Hotline 993, Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Hotline 995, dan Talian Darussalam 123.



بليتا بروني PELITA BRUNEI

# Mengapa Merokok Membatalkan Puasa?

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**PUASA** ialah menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa dengan cara yang tertentu. Masyarakat umum mengetahui bahawa salah satu perkara yang membatalkan puasa ialah makan dan minum dengan sengaja. Antara hikmah puasa dari segi sosial dan kemasyarakatan, menahan lapar dan dahaga ketika puasa itu menimbulkan rasa belas kasihan kepada fakir miskin, melahirkan keinsafan, mendidik jiwa daripada sifat tamak, bakhil dan sebagainya.

Namun, sebahagian orang mempersoalkan mengapa merokok dihukumkan membatalkan puasa sedangkan merokok itu berbeza dengan makan dan minum. Makan mempunyai sifat mengenyangkan dan minum menghilangkan dahaga, manakala merokok tidak mengenyangkan dan tidak menghilangkan dahaga. Untuk mencerahkan permasalahan ini, berikut penjelasan mengenainya.

Perkara yang membatalkan puasa itu, selain makan dan minum ialah sengaja memasukkan '*ain* (benda) ke dalam rongga batin melalui lubang yang terbuka. Benda atau *'ain* yang membatalkan puasa itu ialah apa jua benda yang dapat dilihat sekalipun sedikit atau kecil seperti biji lenga atau sekalipun benda yang tidak dimakan seperti batu.

Adapun sesuatu kesan seperti bau dan rasa tidak dikategorikan sebagai '*ain* atau benda yang membatalkan puasa sebagaimana yang disebut oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj, beliau berkata :

**Ertinya** : *Dan terkeluar daripada (maksud) 'ain ialah kesan seperti bau dengan (cara) menghidu, panas dan sejuknya air dengan (cara) merasanya.*

Manakala asap, menurut asy-Syaikh al-Qalyubi *Rahimahullah* dalam kitabHasyiyata al-Qalyubi wa 'Umairah, ia boleh dikategorikan kepada asap yang ada padanya '*ain* dan asap yang tidak ada padanya '*ain* sebagaimana penjelasan beliau mengenai pengertian '*ain* dalam perkara membatalkan puasa. Katanya :

**Ertinya** : *Dan daripadanya (yang dikategorikan 'ain ialah) asap yang bersamanya (mempunyai) 'ain yang terpisah (daripadanya) sepertimana dalam syarh syaikh (guru) kami ar-Ramli, dan terkeluar dengannya (perkataan 'ain) ialah bau dan (termasuk) daripadanya (bau) ialah asap seperti asap pendupaan (al-Bakhur) yang tidak ada bersamanya 'ain yang terpisah (daripadanya) dan rasa (tidak dikategorikan 'ain).*

*Nash* di atas menunjukkan bahawa ada asap yang mempunyai '*ain* dan ada asap yang tidak mempunyai '*ain*.

Menurut ulama, asap yang tidak mempunyai '*ain* tidak membatalkan puasa. Manakala asap yang mempunyai '*ain*, ia membatalkan puasa. Asap yang mempunyai'*ain* itu seperti asap rokok atau tembakau. Asy-Syaikh al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Bujairimi 'ala al-Khathib menyebut :

**Ertinya** : *Dan daripadanya (yang tidak membatalkan puasa) ialah asap yang tidak ada 'ain padanya seperti asap pendupaan. Berbeza dengan suatu yang (ada) padanya 'ain seperti asap (rokok) yang masyhur pada masa ini (menurut pendapat) asy-Syaikh al-Qalyubi. Dan ungkapan 'Abdulbarr (pula menyatakan) : Dan daripadanya diambil (hukum) bahawa asap yang mempunyai bau pendupaan atau selainnya yang sampai hingga ke (dalam) rongganya adalah tidak membatalkan (puasa) sekalipun dia sengaja membuka mulutnya untuk yang demikian itu kerana sesungguhnya ia bukan 'ain, iaitu mengikut 'urf (kebiasaan).*

As-Sayyid al-Jurdani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fathal-'Allam, beliau menyebut :

**Ertinya** : *Dan (termasuk) daripada 'ain ialah asap rokok yang diketahui (umum), maka ia membatalkan (puasa), kerana padanya didapati ada kesan seperti apa yang dapat dilihat pada bahagian dalam batang (rokok) atau penapis rokok yang dihisap, dan seumpamanya (juga) ialah asap tembakau kerana sesungguhnya jelas (nampak) padanya kesan, (begitu) juga pada syisyah dan hujung alat penyedutnya (syisyah).*

Berdasarkan penjelasan para ulama di atas, dapat disimpulkan bahawa asap tembakau atau rokok dikategorikan sebagai asap yang mempunyai '*ain* yang boleh dipisahkan daripadanya.

Oleh yang demikian, merokok adalah membatalkan puasa. Hukum tersebut termasuk juga hukum menghisap *syisyah* dan menghisap rokok elektronik (*vape*). Semua perbuatan tersebut membatalkan puasa.

ارشاد حکوم

IRSYAD HUKUM

جابتن مفتي كراجاٴن

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

منوجو كريضاٴن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلوان قوسة دعوة اسلاميه

# Menghidupkan malam Lailatulqadar

**BULAN** Ramadan adalah bulan yang terdapat di dalamnya satu malam yang dipanggil Lailatulqadar iaitu malam yang dipenuhi dengan keberkatan dan malam yang lebih baik daripada seribu bulan seperti mana diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah dari Sulaiman Radhiallahuanhu katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : yang maksudnya : "*Wahai manusia sesungguhnya kamu akan dinaungi oleh satu bulan yang agung lagi penuh keberkatan iaitu bulan yang di dalamnya ada suatu malam yang lebih baik dari seribu bulan*".

Pada malam tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan keberkatan, kerahmatan dan kemuliaan kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seperti mana disebutkan di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Qadr, ayat 1 - 5, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman : yang mafhumnya : "*Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Al-Qadr; Dan apakah engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Al-Qadr itu? Malam Al-Qadr itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, para Malaikat dan Jibril turun dengan izin Tuhan mereka, untuk mengatur segala urusan. Sejahteralah malam yang berkat) itu hingga terbit fajar*".

Surah ini adalah bukti jelas tentang kemuliaan, keberkatan dan keistimewaan Lailatulqadar. Malam Lailatulqadar mempunyai keistimewaan yang sangat besar kerana malam itu menyaksikan turunnya Al-Quran. Pada malam Lailatulqadar itu juga Malaikat turun ke dunia disertai oleh Jibril Alaihisalam untuk memberikan penghormatan kepada orang-orang yang berpuasa dan menyaksikan amal ibadat mereka, serta untuk memberikan salam sejahtera kepada penduduk bumi.

Allah Subhanahu Wata'ala mengadakan malam Lailatulqadar yang hanya sekali setahun di dalam bulan Ramadan adalah bagi memperlihatkan kekuasaan, ketinggian, kebesaran dan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala kepada para hamba-Nya. Pada malam Lailatulqadar ini Allah memberi balasan dan ganjaran yang istimewa bagi hamba-hamba-Nya yang taat dan ikhlas melaksanakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan.

Waktu Lailatulqadar merupakan perkara rahsia yang hanya diketahui oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Bila berlakunya malam Lailatulqadar itu tidaklah diketahui secara pastinya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang mengetahuinya, bila masa dan kepada siapa yang dapat dari kalangan hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya. Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa kemungkinan besar Lailatulqadar itu berlaku pada 10 hari terakhir bulan Ramadan lebih-lebih lagi di malam-malam yang ganjil sebagaimana berdasarkan hadis riwayat Imam Ahmad dari Ubadah bin as Samad katanya : "*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengkhabarkan kepada kami tentang Lailatulqadar. Baginda bersabda di dalam bulan Ramadan di puluhan yang akhir malam 21 atau malam 23 atau malam 25, atau malam 27 atau malam 29 atau di akhir malam bulan Ramadan. Barang siapa mengerjakan 'qiam', pada malam itu kerana imannya kepada Allah dan kerana mengharapkan keredaan-Nya, nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu dan dosanya yang akan datang*".

Sementara menurut Imam Al-Qurthubi : Jumhur ulama berpendapat bahawa Lailatulqadar itu ialah pada malam 27, ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, daripada Ibnu Umar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : yang maksudnya : "*Barang siapa yang ingin mencari Lailatulqadar, maka hendaklah dia mencarinya di malam 27*".

Walaupun ulama berbeza-beza pendapat dalam menentukan waktunya, namun pendapat yang paling kuat terjadinya malam Lailatulqadar ialah berdasarkan hadis riwayat Imam Al-Bukhari dari 'Aisyah Radhiallahuanha bahawasanya sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : yang maksudnya : "*Carilah malam Lailatulqadar di malam yang ganjil 10 hari terakhir bulan Ramadan*".

Oleh kerana itu, eloklah ibadah kita dimulai dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan sejak hari pertama bulan Ramadan lagi hinggalah ke akhir bulan Ramadan, InsyaaAllah, semoga terdapat di dalamnya Lailatulqadar.

Adapun antara hikmah malam Lailatulqadar ini dirahsiakan adalah bagi mendorong umat Islam supaya tekun dan bersungguh-sungguh mencari Lailatulqadar dengan memperbanyakkan amal ibadah dan amal kebajikan kerana mengharapkan keredaan-Nya di sepanjang bulan Ramadan khususnya di 10 malam yang terakhir. Jika ditetapkan malam Lailatulqadar itu, dibimbangi umat Islam tidak akan berusaha untuk merebutnya dengan beramal ibadat atau dia mungkin melakukan maksiat pada malam itu sehingga mendapat kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Para ulama menyatakan, orang yang menghidupkan malam Lailatulqadar dengan beribadah pahalanya akan dilipatgandakan, begitu juga orang yang bermaksiat akan dilipatgandakan dosanya. Tetapi bagi mereka yang tidak mengetahui malam itu merupakan malam Lailatulqadar lalu dia bermaksiat maka dosanya tidak dilipatgandakan seperti dilipatgandakan pahala orang yang beribadah.

Tetapi bagaimanakah cara untuk kita mendapatkan Lailatulqadar itu? Cara terbaik untuk memperolehi Lailatulqadar itu ialah dengan berusaha bersungguh-sungguh menghidupkan tiap-tiap malam 10 yang terakhir bulan Ramadan dengan memperbanyakkan amal ibadat dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan meneladani amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Baginda benar-benar berusaha untuk memperolehi malam Lailatulqadar dengan berbuat taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap malam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah menggariskan beberapa langkah kepada umatnya agar berusaha sedaya upaya mendapat Lailatulqadar ini. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari 'Aisyah Radhiallahuanha dia berkata : "*Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila masuk malam 10 terakhir Ramadan, Baginda menghidupkan malam (dengan amal ibadah) mengejutkan keluarganya (bangun beribadah), bersungguh-sungguh (dalam ibadah) dan uzlah dari isteri-isterinya*".

Pada malam 10 terakhir bulan Ramadan ini eloklah juga kita perbanyakan membaca doa yang kita sukai, doa untuk kita, ibu bapa kita, anak-anak kita, nenek dan datuk kita, sahabat handai dan semua kaum Muslimin dan Muslimat.

Imam At-Tirmidzi dalam Kitab Sunannya meriwayatkan dari 'Aisyah Radhiallahuanha bahawa pada malam Lailatulqadar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar 'Aisyah berdoa, yang maksudnya : "*Wahai Tuhanku sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang Maha pemaaf, Engkau menyukai kemaafan, maka maafkanlah aku*".

Sebagai umat Islam kita hendaklah mengambil peluang ini dengan berusaha bersungguh-sungguh memperbanyakkan amal ibadat di malam ke-10 akhir bulan Ramadan iaitu dengan mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih, membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya kerana sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi keampunan bagi mereka yang menghidupkan malam tersebut. Ini dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim, dari Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : yang maksudnya : "*Barang siapa yang berdiri (dengan sembahyang dan ibadat) pada malam Lailatulqadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala nescaya Allah Subhanahu Wata'ala mengampuni dosanya yang telah lalu*".

Memandangkan betapa besarnya ganjaran Lailatulqadar itu, maka rebutlah peluang untuk meningkatkan amal ibadat terutama sekali di 10 terakhir di bulan Ramadan yang hanya datang sekali setahun. Lailatulqadar yang datang hanya sekali dalam setahun sewajarnyalah kita manfaatkan untuk memohon keampunan atas dosa-dosa kecil yang kita lakukan, di samping dimanfaatkan dengan penuh sedar dan insaf untuk memohon ampun atas dosa-dosa besar dan bertaubat untuk tidak mengulanginya lagi. Semoga segala amal ibadat yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya akan mendapat keberkatan dan keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

# MKM AGIH JUADAH IFTAR KEPADA LEBIH 839 KLIEN

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Ihsan Majlis Kesejahteraan Masyarakat**








**ANTARA yang turut serta menjayakan Projek Sungkai Ramadan Brunei (atas). Manakala gambar atas kanan, pek sungkaian yang diagihkan kepada salah seorang penerima.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Februari. - Inisiatif Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dalam mengumpul dana dapat meneruskan lagi aktiviti tahunan dengan mengagihkan juadah iftar kepada lebih 839 klien di keempat-empat daerah selama 15 hari berturut-turut bersempena menyambut Ramadan Al-Mubarak kali ini.

Agihan sumbangan juadah iftar sejak 20 Februari 2026 lalu berkenaan dijangka lebih kurang 14,000 pek juadah untuk diagihkan dengan menu yang berbeza setiap hari dengan anggaran berharga BND5 setiap pek.

Bagi seramai 514 klien MKM di Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Tutong, pengagihan dilaksanakan di Pejabat MKM, Anggerek Desa.

Sementara itu, seramai 190 klien MKM di Daerah Belait juga menerima pek juadah iftar.

Manakala, pengagihan pek-pek juadah iftar juga diadakan untuk seramai 135 klien MKM di Daerah Temburong.

Restoran Tandoor.com telah mendermakan sungkaian di DBM selama dua hari berjumlah 1,028 pek sungkaian.

Sementara Blue Cafe & Grill pula menderma sebanyak 190 pek sungkaian untuk lapan hari sebanyak 1,520 pek sungkaian di Daerah Belait.

Manakala, seramai 300 klien akan menerima agihan juadah iftar selama empat hari, dari 17 hingga 20 Ramadan dari Blue Cafe & Grill.

Adapun Projek Sungkai Ramadan Brunei telah dijalankan dari 2015. Program pengagihan sungkaian juga dijalankan di kem pelarian Rohingya di Republik Rakyat Bangladesh dan MKM turut menguruskan sebuah sekolah untuk 500 pelarian Rohingya dari 2018.

Pengagihan pek sungkaian yang diadakan untuk pelarian Rohingya telah dijalankan daripada penubuhan sekolah berkenaan dengan sebanyak 1,000 pek sungkaian diagihkan setiap hari pada bulan Ramadan.

Dalam pada itu, Yang Dipertua MKM, Awang Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim mengucapkan terima kasih kepada para dermawan yang telah menyokong projek Sungkai Ramadan Brunei.

MKM merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang memfokuskan kepada kebajikan sosial terhadap mereka yang kurang bernasib baik di negara ini.



# MINDA PEMBACA

## 'Vape': Ancaman senyap terhadap kesihatan generasi muda

***VAPE*** adalah merupakan peranti elektronik yang mempunyai fungsi hampir sama seperti rokok tembakau, rokok paip, shisha dan sebagainya. Bahan utama yang terdapat di dalam *vape* dan lain-lain jenis rokok adalah nikotin iaitu merupakan kandungan kimia yang memberikan kesan ketagihan dan juga kemudaratan terhadap kesihatan dalam tempoh jangka pendek mahupun jangka panjang.

Umumnya pengguna *vape* akan cenderung mempunyai ketagihan yang tinggi sehingga sukar untuk meninggalkan tabiat penggunaan *vape*. Secara komersial, *vape* telah dipromosikan sebagai alternatif yang lebih sihat berbanding dengan rokok konvensional. Padahal ironinya ia tetap masih mengandungi bahan toksik seperti nikotin yang mana boleh menyebabkan pengguna untuk mengambil lebih dari kadar minima.

Jika dahulu, rokok konvensional mempunyai ciri tertentu dengan baunya yang sangat kuat dan mudah untuk mengesan penggunanya. Akan tetapi, dengan adanya alternatif rokok elektronik seperti *vape* agak sukar untuk mengenali penggunanya. Ditambah lagi, dengan kepelbagaian aroma dan perasa *vape* yang tersedia di pasaran, ia menarik lebih ramai generasi muda untuk menjadi pengguna *vape*.

Selain itu, faktor pengaruh rakan sebaya dan mudah terikut-ikut dengan tren tular menjadikan semakin banyak pengguna *vape* dalam kalangan generasi muda. Akibatnya, tidak sedikit juga yang kita perhatikan bahawa pengguna *vape* adalah dalam kalangan generasi muda yang berumur di bawah 18 tahun kerana secara sembunyi terikut-ikut dan ingin menikmati kesenangan hidup.

Kesan bahaya kandungan nikotin bukan sahaja memberi kesan terhadap kesihatan fisiologi seperti sakit jantung, paru-paru, kanser mulut, dan lain-lain. Bahkan, ia juga memberi kesan terhadap kesihatan mental generasi muda seperti regulasi perasaan dan fikiran yang tidak menentu. Faktor-faktor inilah yang akan menjadi ancaman senyap terhadap kesihatan generasi muda.

Maka dari itu, kesedaran dan pendidikan mengenai bahaya *vape* hendaklah diperkuatkan lagi agar dapat membasmi penggunaan *vape* dalam kalangan generasi muda. Langkah ini adalah amat penting kerana ia merupakan bahagian dari inisitif pembangunan negara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi, sihat secara fizikal dan mental; dan juga berwibawa yang boleh membawa nama negara dan bangsa ke peringkat yang cemerlang.

**Nama : Syafiqah Abd Aziz**
**No. K/P : 01-068XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Peranan Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi'.** Tarikh Tutup **: 25 Februari 2026**
2.**'Memperkasa Budaya Membaca'.** Tarikh Tutup **: 4 Mac 2026**
3.**'Puasa Sebagai Latihan Disiplin Diri'.** Tarikh Tutup **: 11 Mac 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3.**Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75**
SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Pupuk nilai kesetiaan, kecintaan kepada negara



PELBAGAI acara dan aktiviti dilaksanakan seperti aktiviti kuiz bagi murid-murid bersempena Sambutan Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42 (atas). Manakala gambar bawah, sesi bergambar ramai sempena majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Februari. - Sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab serta pusat tingkatan enam di seluruh negara hari ini mengadakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 secara serentak di keempat-empat daerah.

Antara yang menjadi tumpuan sambutan berkenaan ialah di Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kampung Kiarong.

Pelbagai acara dan aktiviti dilaksanakan termasuk Doa Khas HK, nyanyian Lagu Kebangsaan dan persembahan lagu-lagu patriotik, bacaan Ikrar HK, serta aktiviti kuiz

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad, Arifah Mohammad Aliwaridi**

bagi murid-murid dan guru-guru.

Melalui penganjuran sambutan berkenaan, generasi muda khususnya para pelajar dididedahkan kepada penghayatan erti kemerdekaan serta dipupuk dengan nilai kesetiaan dan kecintaan kepada negara sejak di peringkat sekolah.

Sambutan berkenaan diadakan bagi menyemai rasa kasih, taat setia serta kecintaan terhadap raja, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat perpaduan, patriotisme serta kenegaraan yang tinggi dalam kalangan para pelajar.

Selain itu, sambutan berkenaan juga bertujuan untuk menanamkan kesedaran serta rasa tanggungjawab bersama dalam mendukung dan menghayati tema HK pada tahun ini, iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Sambutan HK pada tahun ini bukan sahaja menekankan nilai patriotisme dan kenegaraan, malah turut disertai dengan penghayatan rohani yang bertepatan dengan kemuliaan bulan Ramadan.

Beberapa buah sekolah swasta dan antarabangsa di bawah Kementerian Pendidikan akan turut mengadakan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42 pada Rabu, 25 Februari 2026.



# KONGSI REZEKI DENGAN GOLONGAN MEMERLUKAN





SUASANA pada Majlis Infaq Kasih Ramadan dan Sambutan Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42 yang diadakan di Masjid Pehin Khatib Abdullah Kampung Kulapis (atas dan kanan).

**Berita dan Foto : Ihsan Sekolah Cahaya Bina Insan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Februari. - Sekolah Cahaya Bina Insan mengadakan Majlis Infaq Kasih Ramadan dan Sambutan Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42 bagi Tahun 2026 Masihi yang berlangsung di Masjid Pehin Khatib Abdullah Kampung Kulapis baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Guru Besar Sekolah Cahaya Bina Insan, Dayang Zalwanana binti Haji Mohd. Napi.

Pada majlis itu, tetamu kehormat dan Pemangku Ketua Kampung Kulapis, Awang Yushahril bin Haji Abdul Rahman mengagih-agihkan sumbangan infak kepada para penerima.

Program tersebut disasarkan kepada 76 pelajar Tahun 1 hingga Tahun 6; 13 orang guru serta kakitangan Sekolah Cahaya Bina Insan; 16 keluarga yang kurang berkemampuan khusus bagi berdaftar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB); dan empat anak yatim, termasuk tiga yang menetap di Kampung Kulapis, Mukim Sengkurong dan seorang pelajar sekolah berkenaan.

Program Infaq Kasih Ramadan merupakan inisiatif kebajikan yang dirancang secara sistematik bagi menyemai nilai keprihatinan, kasih sayang serta amalan bersedekah dalam kalangan pelajar dan warga Sekolah Cahaya Bina Insan, selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara dan matlamat pembangunan sahsiah pelajar.

Program tersebut sebagai projek tahunan kendalian Unit Tarbiyyah dan Unit Kokurikulum sekolah yang memberi peluang kepada pelajar, guru dan warga sekolah untuk berkongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan sempena keberkatan bulan Ramadan.

Bagi menyemarakkan Sambutan HK NBD Ke-42, majlis turut diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Ketua Imam Masjid Pehin Khatib Abdullah, Awang Abdul Najib Syazwan bin Shahrani.

Majlis bertujuan memupuk semangat patriotisme, perpaduan serta kecintaan terhadap NBD serta menghargai nikmat keamanan dan kemerdekaan yang dikecapi berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja dalam kalangan pelajar dan warga sekolah.

Gabungan kedua-dua program ini diharap dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi rohani, emosi dan jati diri kebangsaan.

## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**Penerbitan Iklan Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**UNISSA / SB0063 / 2025 / 2026**
To Supply, Delivery, Testing And Warranty Of Multimedia Notebook For Pusat Teknologi & Multimedia (PTM) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0064 / 2025 / 2026**
To Supply, Install, Configuration And Training Door Access System RFID For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0065 / 2025 / 2026**
To Supply, Deliver, And Install Outdoor Wireless Extender For Aquaculture House Enterprise, Al Kindi Bungalow Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Campus

**UNISSA / SB0067 / 2025 / 2026**
To Supply And Install New SPC Flooring For Hostel Multi-Purpose Hall At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0068 / 2025 / 2026**
Supply And Delivery Of Laboratory Loose Furniture For Scientific Ibnu Sina Laboratory Centre At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Campus

**UNISSA / SB0069 / 2025 / 2026**
To Supply And Deliver Of Conference Chairs For Senate Room, Administration Meeting Room And L1.2 Meeting Room Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus

**UNISSA / SB0070 / 2025 / 2026**
To Supply, Deliver & Install Mini Greenhouse For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Research Project Titled "Improving Soil Quality, Paddy Yield And Paddy Farmers Profit Using Organic Conditioners From Chicken Dung"

**UNISSA / SB0071 / 2025 / 2026**
One (1) Year Renewal And Support Services For Firewall Fortigate FG-601E Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus

**UNISSA / SB0072 / 2025 / 2026**
To Supply, Deliver, Support And Training For License Canvas Learning Management System (LMS) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
11 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

**UNISSA / LTK / RKN-LIBRARY / 2026:**
The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Maintenance Of Project UNISSA Smart Library, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Tarikh Tutup:**
14 April 2026 (Selasa)

**Penerbitan Iklan Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**UNISSA / SB0066 / 2025 / 2026**
Perkhidmatan Membekal Dan Menghantar Jamuan Bagi Mesyuarat, Lawatan Majlis Dan Acara Anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Secara Berkontrak Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
11 Mac 2026
Jam 12.00
Tengah Hari

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Pertahanan**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / NV / TA / 01
Pembelian Foam Fenders Bagi Jeti Alpha Dan Jeti Bravo Tentera Laut Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 Mac 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 7 April 2026
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:-**
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 - SBH#16
Projek Sekali sahaja bagi penggantian panel kaca dengan dinding batu-bata, Pemasangan tingkap kaca aluminium di kawasan tangga di blok 16 & 17 dan kerja-kerja pembaikan retak tangga dalaman serta jubin lantai di Blok 17, Simpang 32-15, Kampung Anggerek Desa, Jalan Anggerek Desa, Mukim Berakas A, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
18 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

**Yuran Tawaran:**
Percuma

## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
ATELS / 2026 / SH-02
Search & Rescue Model Analysis Program (SARMAP) Subscription

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
ATELS / 2026 / SH-03
The Supply And Delivery Of Automatic Dependent Surveillance – Broadcast (ADS-B) Spare Parts For Aeronautical Telecommunication Services, Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Rabu,
25 Februari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
10 Mac 2025

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
11 Mac 2026
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV & V

**Kategori:**
KA01
(Kod Baharu)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Mac 2026,
Tidak lewat jam 12.00
Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 02 / BKTKS / 2026-T / IV

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pembinaan Padang Sukan Bola Bagi Sekolah Rendah Katok B Serta Pemasangan Pagar Kawasan Padang Sahaja (Re-Tender)

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II & Keatas

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Tutup:**
Selasa
31 Mac 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 011 / 2026

**Nama Projek:**

## LANGKAH BARU

Banyak lagi langkah2 baru yang akan di-laksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mengasoh sasterawan2 negeri ini untok berkechempong dalam arena bahasa, sastera dan budaya.

Kita telah di-beri tahu dari puncha2 rasmi DBP bahawa, pada masa ini Dewan Bahasa dan Pustaka memusatkan perhatian-nya dalam bidang penerbitan buku2 pelajaran, kumpulan2 sastera lama, kumpulan2 sejarah Brunei Tua, kumpulan2 dalam bidang prosa dan puisi.

Bagitu juga dengan penerbitan majallah-nya, sedang dalam pengusahaan dan harus dalam jangka tidak berapa lama lagi majallah itu akan dapat di-tatapi oleh pembacha.

Isi2 dalam majallah itu akan berkisar pada perkembangan bahasa, sastera dan budaya.

Kita mengharapkan agar Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan saksis mengusahakan ranchangan2-nya dan kita tetap akan turut menyertai dalam menikmati buah2 yang akan di-hasilkan-nya kelak.

42 ٤٢

برساتو منچاڤاي چيتا نڬارا

Bersatu Mencapai Cita Negara

23 Februari 2026

# Syukuri kemerdekaan pada bulan mulia

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Ihsan Haji Muhammad Asri Haji Timbang, Erny Azrena Haji Hassan, Nurin Hamizah Awang Asman, Mohammad Rif'at Atiyah Anwari

PADA tahun ini, rakyat dan penduduk di negara ini meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 bertepatan dengan bulan penuh rahmat iaitu bulan Ramadan. Dengan tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara', seluruh rakyat jelata melahirkan rasa syukur dengan anugerah kemerdekaan yang dikurniakan oleh Yang Maha Kuasa terhadap bumi Darussalam yang kita cintai. Pelita Brunei berpeluang membuat pendekatan bersama beberapa individu bagi melahirkan rasa syukur atas sambutan tahun ini.



## Awang Haji Muhammad Asri bin Haji Timbang, Pegawai Pelajaran, Sekolah Arab Temburong

**ALHAMDULILLAH**, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita masih diberi kesempatan menyambut Hari Kebangsaan Ke-42 dalam suasana aman, damai dan penuh keberkatan. Sesungguhnya nikmat kemerdekaan ini adalah anugerah yang besar, yang wajib kita pelihara dengan iman, takwa dan rasa tanggungjawab sebagai rakyat yang cintakan agama, bangsa dan negara di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sambutan ini bukan sekadar mengingati sejarah, tetapi menjadi peringatan untuk kita terus memperkukuhkan perpaduan, mengamalkan nilai-nilai murni Islam serta berusaha menjadi umat yang berilmu, berakhlak dan berbakti. Semoga segala usaha kita dalam memajukan negara menjadi amal soleh yang diberkati dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita bersama-sama berdoa agar negara kita sentiasa berada dalam perlindungan-Nya, dikurniakan keamanan yang berpanjangan, serta terus maju dengan berpandukan ajaran Islam. Mudah-mudahan generasi akan datang dapat mewarisi sebuah negara yang makmur, harmoni dan dirahmati Allah.



## Dayang Erny Azrena binti Haji Hassan, Pegawai Pendidikan Ugama, Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam

**SELAMAT** Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD). Pada hari yang penuh bersejarah ini, kita bersama-sama menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati di bumi bertuah, NBD. Di bawah kepimpinan raja yang penyayang dan bijaksana, rakyat hidup selesa, aman damai serta bersatu padu dalam semangat kebangsaan. Hari Kebangsaan bukan sekadar peringatan, tetapi juga satu ikrar untuk terus menyumbang bakti demi masa depan negara. Wawasan Brunei 2035 menjadi panduan kita, mengimpikan rakyat berpendidikan tinggi, berkemahiran, dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, marilah kita bersama-sama memperkukuh perpaduan, meningkatkan usaha dalam bidang masing-masing, dan menanam semangat patriotisme yang berterusan. Dengan kesetiaan kepada raja dan negara, kita yakin Brunei akan terus maju, berwawasan, dan kekal sebagai tanah air yang aman damai untuk generasi akan datang.



## Dayang Nurin Hamizah binti Awang Asman, Ketua Beliawanis, Kumpulan Belia 'Ibadur Rahman, Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong

**TAHUN** 1984 adalah detik bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) mengecapi kemerdekaan. Bagi saya, kemerdekaan ini merupakan satu nikmat besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib disyukuri. Dengan kemerdekaan ini, kita berpeluang membina negara mengikut acuan Melayu Islam Beraja (MIB) yang diredai-Nya. Hari Kebangsaan mengingatkan kita bahawa keamanan dan kemakmuran yang dinikmati hari ini bukan sesuatu yang datang dengan mudah. Ia menuntut kesetiaan, tanggungjawab dan kesungguhan daripada setiap rakyat untuk terus memelihara perpaduan serta menghormati nilai agama dan budaya. Saya percaya generasi masa kini memainkan peranan penting dalam memastikan negara terus maju dan berdaya saing. Generasi muda perlu menanam semangat patriotisme, mengutamakan pendidikan dan berbakti kepada masyarakat, sambil mengekalkan jati diri sebagai rakyat Brunei. Dengan cara ini, kemerdekaan yang dikecapi sejak 1984 dapat terus diwarisi dan dijaga oleh setiap generasi. Semoga NBD kekal berdaulat, diberkati Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa berada dalam kesejahteraan, aman dan makmur untuk semua generasi kini dan akan datang.



## Awang Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Pertahanan

**ALHAMDULILLAH** syukur ke hadrat Allah, dengan limpah dan kurnia dari-Nya jua kita dapat lagi menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang Ke-42, terutamanya pada tahun ini kita dapat menyambutnya dalam bulan Ramadan dan semoga ianya menambah lagi keberkatan yang ada. Sebagai seorang penjawat awam saya menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42 dengan rasa syukur yang mendalam, akan besarnya nikmat yang Allah kurniakan kepada negara ini. Dalam dunia yang semakin tidak menentu, Brunei Darussalam terus dikurniakan keamanan, kestabilan dan keharmonian hidup berlandaskan ajaran Islam. Nikmat ini bukan sekadar untuk dinikmati, tetapi satu amanah besar yang menuntut kesedaran, tanggungjawab dan kesungguhan untuk dipelihara. Sebagai rakyat dan penduduk Brunei, kita bertuah hidup di bumi yang aman, di bawah kepimpinan yang menitikberatkan agama, kebajikan rakyat dan kesejahteraan negara. Perkara ini yang perlu sama-sama kita pertahankan dengan ketaatan dan doa yang berterusan. Sama-sama kita berdoa agar Brunei Darussalam terus berada dalam rahmat dan perlindungan Allah, kekal makmur, aman dan sejahtera, rakyatnya bersatu hati, institusinya kukuh, dan negaranya terus diberkati sebagai negara yang diredai Allah hingga ke generasi akan datang. Selamat Menyambut Hari Kebangsaan yang Ke-42 Tahun.

# IHP JANUARI 2026 CATAT PENURUNAN 0.2 PERATUS

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Februari. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Januari 2026 menurun sebanyak 0.2 peratus berbanding Januari 2025, terutamanya didorong oleh penurunan indeks bukan makanan sebanyak 0.3 peratus. Manakala, indeks makanan dan minuman ringan pula mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus.




Penurunan bagi indeks bukan makanan adalah terutamanya didorong oleh penurunan harga-harga perhubungan (3.4 peratus), khususnya perkhidmatan internet, rekreasi dan kebudayaan (2 peratus), terutamanya kos perkhidmatan langganan penstriman media dalam talian disebabkan oleh perbezaan pertukaran mata wang asing, dan harga perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (0.3 peratus), terutamanya penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman.

Bagi indeks makanan dan minuman ringan pula, peningkatan adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan harga ikan dan makanan laut (2.6 peratus), terutamanya ikan segar, buah-buahan (2.9 peratus), khususnya buah-buahan segar tropika, dan harga kopi, teh dan koko (4.4 peratus).

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Januari 2026 menurun sebanyak 0.7 peratus daripada Disember 2025, terutamanya didorong oleh penurunan indeks bukan makanan sebanyak 0.9 peratus.

Manakala, indeks makanan dan minuman ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus.

Penurunan bagi indeks bukan makanan adalah disumbangkan oleh penurunan harga pengangkutan (2 peratus), perhubungan (3.3 peratus), dan pakaian dan kasut (2.4 peratus).

Manakala, peningkatan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya didorong oleh peningkatan harga sayur-sayuran (2.6 peratus), ikan dan makanan laut (0.4 peratus), dan daging (0.1 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi Januari 2026 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui *https://deps.mofe.gov.bn.*

# Pas Imigresen mansuh : 2 warga asing dipenjara, sebat

**Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Februari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengongsikan dua sesi pendakwaan yang telah dijalankan bagi kes di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Sesi pendakwaan terhadap Ferose Ali Abdul Muthalif, seorang lelaki warganegara Republik India berumur 43 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama 6 bulan dan 3 kali sebatan setelah mengaku bersalah dan hukuman berkuatkuasa pada 12 Februari 2026.

Sementara, sesi pendakwaan terhadap Md. Sulaiman Hossain, seorang lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh berumur 34 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama 5 bulan dan 3 kali sebatan setelah mengaku bersalah dan hukuman berkuatkuasa pada 15 Februari 2026.

JIPK sukacita mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan pesalah-pesalah imigresen untuk menghubungi terus JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).




# Cucur Udang

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

## RPN Kampung Mata-mata

**BAHAN-BAHANNYA :**

200g udang sederhana (dipotong kecil)
2 cawan tepung gandum
1 sudu besar tepung beras (untuk lebih rangup)
1 sudu kecil serbuk kunyit
1 sudu kecil serbuk penaik *(baking powder)*
1 biji telur
1 cawan air sejuk (tambah sikit jika adunan pekat)
2 batang daun kucai atau daun bawang (hiris halus)
Garam secukup rasa
Minyak masak (untuk menggoreng)

**CARA MEMASAKNYA :**

Dalam mangkuk, satukan tepung gandum, tepung beras, serbuk kunyit, serbuk penaik dan garam. Masukkan telur dan air sedikit demi sedikit. Kacau hingga sebati dan adunan tidak berketul. Pastikan adunan tidak terlalu cair dan tidak terlalu pekat. Masukkan daun kucai atau daun bawang dan gaul rata. Panaskan minyak dalam kuali dengan api sederhana. Cedok satu sudu adunan lalu tuangkan perlahan-perlahan ke dalam minyak panas. Goreng hingga keemasan dan rangup. Angkat dan toskan minyak. Hidangkan panas-panas bersama sos cili.



BERITA GLOBAL

# 7 AHLI KARTEL TERBUNUH DALAM OPERASI TENTERA MEXICO TUMPASKAN KETUA CJNG 'EL MENCHO'

**MEXICO CITY/ISTANBUL**, 23 Feb. - Tujuh ahli Kartel Generasi Baharu Jalisco (CJNG) Mexico terbunuh, termasuk pemimpin kumpulan itu Nemesio Oseguera Cervantes yang dikenali sebagai "El Mencho", dalam satu operasi ketenteraan oleh Pasukan Khas Tentera Mexico di negeri barat Jalisco pada Ahad, lapor Anadolu Ajansi.

Kementerian Pertahanan Mexico memaklumkan bahawa Pasukan Khas, dengan kerjasama Pusat Risikan Kebangsaan dan Pejabat Peguam Negara, merancang dan melaksanakan operasi di Tapalpa, Jalisco, yang merupakan kubu kuat CJNG, dengan mengerahkan beberapa pesawat Tentera Udara dan unit Pengawal Kebangsaan bagi menahan Oseguera.

"Dalam operasi ini, anggota tentera Mexico telah diserang dan bagi mempertahankan diri, mereka membalas serangan itu. Tindakan itu mengakibatkan empat anggota kumpulan jenayah 'CJNG' maut di lokasi kejadian dan tiga lagi cedera parah sebelum meninggal dunia ketika diterbangkan ke Mexico City.

"Antara yang maut ialah Ruben 'N' (alias Mencho); bagaimanapun, pihak berkuasa berkaitan akan menjalankan proses forensik untuk mengesahkan identitinya," menurut kementerian itu.

Kementerian berkenaan turut memaklumkan dua lagi anggota kartel ditahan dan pelbagai senjata serta kenderaan berperisai dirampas, termasuk pelancar roket yang mampu menembak jatuh pesawat.

Tiga anggota pasukan khas turut cedera dalam operasi itu dan dibawa ke kemudahan perubatan di Mexico City.

Menurut kementerian itu, operasi berkenaan dijalankan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) dalam rangka penyelarasan dan kerjasama dua hala dengan negara itu.

Kerajaan AS dan Mexico masing-masing menawarkan ganjaran sebanyak US$15 juta dan 300 juta peso Mexico bagi maklumat yang membawa kepada penangkapannya.

Oseguera mengetuai CJNG sejak ia bermula sebagai cabang bersenjata kepada Kartel Milenio yang kini telah dibubarkan sebelum berkembang menjadi antara organisasi jenayah paling berkuasa dan ganas di Mexico.

Bekas pegawai polis itu mula dikenali pada awal 1990-an dan menjadi terkenal kerana kekejaman melampau kartel berkenaan serta penglibatannya yang semakin meluas dalam perdagangan dadah global.

Pembunuhan itu mencetuskan tindak balas ganas secara meluas dan segera, termasuk sekatan jalan raya, pembakaran kenderaan serta pertempuran bersenjata yang dilaporkan di beberapa negeri tempat CJNG beroperasi seperti Tamaulipas, Michoacan dan Nayarit.

Di Jalisco, Gabenor Pablo Lemus Navarro mengisytiharkan amaran merah, menggantung perkhidmatan pengangkutan awam dan mengarahkan pembatalan semua acara awam berskala besar pada Ahad. Beliau turut mengumumkan bahawa sesi persekolahan secara bersemuka di seluruh negeri itu dibatalkan pada Isnin.

Sebagai langkah berjaga-jaga, negeri Puebla meningkatkan kehadiran keselamatan operasi di pelbagai lokasi dengan penyelarasan semua peringkat kerajaan.

Pihak berkuasa memaklumkan rondaan darat, pemantauan udara, rondaan komuniti serta operasi risikan turut dipertingkatkan susulan insiden di negeri lain.

Kabinet Keselamatan Mexico menyatakan pasukan keselamatan dari wilayah tengah Mexico dan negeri jiran digerakkan bagi memperkukuh kawalan di Jalisco.

Agensi Penerbangan Awam Persekutuan Mexico (AFAC) memaklumkan beberapa syarikat penerbangan antarabangsa mengubah laluan penerbangan ke Lapangan Terbang Puerto Vallarta susulan insiden berhampiran lapangan terbang di Guadalajara, Puerto Vallarta dan Tepic, selaras dengan protokol dalaman masing-masing.

Bagaimanapun, agensi itu menegaskan ketiga-tiga lapangan terbang berkenaan terus beroperasi seperti biasa dengan Pusat Operasi Kecemasan di setiap kemudahan berfungsi mengikut prosedur ditetapkan.

Kabinet Keselamatan Mexico turut mengesahkan lapangan terbang negeri itu beroperasi, walaupun kebanyakan penerbangan berlepas dari Lapangan Terbang Puerto Vallarta dilaporkan dibatalkan dan beberapa ketibaan turut terjejas.

Keganasan itu turut mendorong amaran daripada kerajaan asing.

AS menggesa rakyatnya di beberapa negeri Mexico supaya berlindung di tempat masing-masing, termasuk di Jalisco meliputi Puerto Vallarta, Chapala dan Guadalajara, selain Tamaulipas, sebahagian Michoacan, Guerrero dan Nuevo Leon.

Kementerian Luar Kanada turut memberi amaran mengenai keganasan dan sekatan jalan raya di Jalisco serta arahan berlindung di tempat masing-masing di Puerto Vallarta, dan menggesa rakyatnya supaya berwaspada serta mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan.

Air Canada menggantung penerbangan ke Puerto Vallarta dengan alasan "situasi keselamatan semasa".

Kedutaan Mexico di AS pula menafikan khabar angin bahawa anggota CJNG merancang menyerang orang awam selepas operasi itu, sambil menyifatkan dakwaan berkenaan sebagai "tidak berasas".

Kedutaan itu mengenal pasti satu akaun media sosial di X sebagai sumber maklumat palsu yang menyebarkan dakwaan berkenaan. - ©BERNAMA

## Pakar Afrika Selatan alu-alukan akses bebas cukai oleh Republik Rakyat China

**JOHANNESBURG**, 23 Feb. - Pakar-pakar Afrika Selatan mengalu-alukan keputusan Republik Rakyat China untuk memberikan akses bebas cukai meliputi 100 peratus garis tarif bagi eksport Afrika Selatan, dengan menyifatkan langkah itu sebagai signifikan terhadap struktur perdagangan dan pembangunan perindustrian negara tersebut.

Ditandatangani semasa lawatan Menteri Perdagangan, Industri dan Persaingan Afrika Selatan, Parks Tau, ke Republik Rakyat China pada awal Februari, Perjanjian Rangka Kerja Perkongsian Ekonomi itu menjadi asas kepada "Perjanjian Penuaian Awal" yang dijangka dimeterai menjelang akhir Mac. Perjanjian tersebut bakal memberikan akses bebas cukai bagi eksport Afrika Selatan ke pasaran Republik Rakyat China serta mewujudkan keadaan yang lebih kondusif untuk peningkatan pelaburan Republik Rakyat China di Afrika Selatan.

Ahli ekonomi dan penganalisis perdagangan berkata, layanan sifar tarif secara menyeluruh itu menghantar isyarat kukuh mengenai keterbukaan pasaran dan berpotensi menyuntik momentum baharu dalam hubungan ekonomi dua hala.

"Perjanjian ini membuka ruang kepada Afrika Selatan untuk meneroka trajektori pembangunan berbeza dengan mengakses teknologi pembuatan dan perkhidmatan yang ketika ini belum dimiliki negara itu," kata Tafadzwa Ruzive, ahli ekonomi dan penganalisis dari Universiti Free State, kepada Xinhua dalam wawancara telefon.

Beliau menyatakan bahawa Afrika Selatan telah memperoleh peluasan akses pasaran, khususnya bagi produk pertanian dan perlombongan, manakala Republik Rakyat China menunjukkan minat tinggi untuk melabur dalam sektor pembuatan negara tersebut.

Menurut Ruzive, eksport bahan mentah sambil menarik teknologi maju serta kapasiti perindustrian boleh menyediakan laluan pertumbuhan alternatif kepada Afrika Selatan. Ia juga berpotensi mengukuhkan kedudukan negara itu dalam rantaian nilai Republik Rakyat China dan sebaliknya, sekali gus memperkukuh hubungan ekonomi dua hala.

Sizo Nkala, penyelidik di Pusat Kajian Afrika-China, Universiti Johannesburg, menyifatkan perjanjian itu sebagai "tepat pada masanya", sambil menyatakan ia memberi peluang kepada Pretoria, ibu pentadbiran Afrika Selatan, untuk menyerap kejutan luaran serta mempelbagaikan rakan dagang.

"Ia menegaskan komitmen China terhadap sistem ekonomi global yang berasaskan peraturan dan terbuka seperti yang digariskan dalam Rancangan Lima Tahun ke-15,' kata Nkala, sambil menambah bahawa rangka kerja itu merupakan langkah progresif dalam memperkukuh kerjasama Selatan-Selatan.

Balisa Finca, penganalisis ekonomi bebas, turut berkongsi pandangan serupa.

Beliau, yang pernah berkhidmat sebagai penasihat khas kepada Ahli Jawatankuasa Datuk Bandar bagi Pembangunan Ekonomi di Johannesburg, berkata dalam wawancara bertulis dengan Xinhua bahawa jika dilaksanakan secara berkesan, perjanjian tersebut mampu mengubah Afrika Selatan daripada pengeksport komoditi utama kepada pengeluar barangan bernilai tambah tinggi. - ©XINHUA



**SEORANG pekerja memandu *forklift* sedang memuatkan kotak buah-buahan ke dalam trak di Pasar Hasil Segar Johannesburg di Afrika Selatan, pada 29 Okt. 2025.**

## 20 terperangkap lima jam dalam lif Tokyo Skytree, menara ditutup Isnin

**TOKYO**, 23 Feb. - Seramai 20 pengunjung terperangkap dalam lif menara Tokyo Skytree pada malam Ahad selama kira-kira lima jam, lapor Kyodo News.

Pengendali menara berkata fasiliti itu akan ditutup pada Isnin untuk pemeriksaan keselamatan.

Dua lif yang beroperasi antara pintu masuk pada tingkat empat dan ruang meninjau setinggi 350 meter di menara penyiaran tertinggi Jepun itu, yang juga pusat pelancongan popular, terhenti sekitar 8:15 malam Ahad justeru menyebabkan 20 pengunjung dalam salah satu lif terkandas. Tiada kecederaan dilaporkan.

Satu lagi lif dalam menara yang terletak di wilayah Sumida itu tidak membawa pengunjung.

Kira-kira 1,200 orang turut terkandas di ruang meninjau namun mereka akhirnya dapat turun selepas lif kembali beroperasi.

Pengendali menara itu berkata pihaknya akan menjalankan pemeriksaan lengkap ke atas menara tiu pada Isnin. - ©BERNAMA

## Raja Belanda bakal melantik Jetten berusia 38 tahun sebagai Perdana Menteri termuda

**AMSTERDAM**, 23 Feb. - Perdana Menteri termuda dalam sejarah Belanda akan mengangkat sumpah pada Isnin, hanya empat bulan selepas pilihan raya umum negara itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Rob Jetten, 38, juga merupakan individu pertama daripada parti liberal kiri, D66, yang menyandang jawatan politik tertinggi di Belanda.

Raja Willem-Alexander akan melantik Jetten dan Kabinet beliau pada 10 pagi (0900 GMT) di Istana Huis ten Bosch di The Hague.

D66 pimpinan Jetten memenangi pilihan raya pada akhir Oktober, menewaskan tipis Parti Kebebasan (PVV) pimpinan populis sayap kanan Geert Wilders.

Jetten telah membentuk gabungan dengan Demokrat Kristian dan liberal sayap kanan, namun kerajaan baharu ini tidak mempunyai majoriti di parlimen dan akan bergantung kepada undi daripada pihak pembangkang.

Pembentukan kerajaan baharu ini menandakan berakhirnya tempoh panjang kebuntuan dan perselisihan politik di Belanda.

Pentadbiran terakhir, yang melibatkan parti sayap kanan radikal Wilders, tumbang selepas hanya 11 bulan. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# SAHAM REPUBLIK RAKYAT CHINA DITUTUP LEBIH TINGGI PADA SELASA



**LOKASI Bursa Saham di Shenzhen, Wilayah Guangdong selatan Republik Rakyat China.**

**BEIJING**, 24 Feb. - Saham Republik Rakyat China ditutup lebih tinggi pada Selasa, dengan Shanghai Composite Index penanda aras meningkat 0.87 peratus kepada 4,117.41 mata.

Shenzhen Component Index pula ditutup 1.36 peratus lebih tinggi pada 14,291.57 mata.

Jumlah dagangan gabungan kedua-dua indeks ini mencecah sekitar 2.2 trilion yuan (kira-kira USD317.24 bilion), meningkat daripada 1.98 trilion yuan pada hari dagangan sebelumnya.

Saham dalam sektor penerokaan dan perkhidmatan minyak dan gas serta logam berharga menerajui keuntungan, manakala saham berkaitan pawagam dan filem, berkaitan Sora dan data latihan Kecerdasan Buatan (AI) tersenarai antara yang mencatatkan prestasi terendah.

ChiNext Index, yang menjejaki papan pertumbuhan perusahaan ala Nasdaq China, meningkat 0.99 peratus untuk ditutup pada 3,308.26 mata.

STAR Composite Index, yang mencerminkan prestasi saham di papan inovasi sains dan teknologi Republik Rakyat China, ditutup 0.61 peratus lebih rendah pada 1,798.21 mata. - ©XINHUA

# Gempa bumi 5.6 magnitud landa Papua Barat, Republik Indonesia - GFZ

**BEIJING**, 24 Feb. - Gempa bumi bermagnitud 5.6 menggegarkan Papua Barat, Republik Indonesia pada 0746 GMT pada Selasa, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Pusat gempa itu dikesan pada kedalaman 10 kilometer danpada mulanya ditentukan berada pada 2.38 darjah latitud selatan dan 138.83 darjah longitud timur. - ©BERNAMA

# Republik Indonesia akan mulakan penghantaran pertama beras haji ke Arab Saudi

**JAKARTA**, 24 Feb. – Republik Indonesia akan mengeksport 2,280 tan beras ke Arab Saudi untuk keperluan jemaah haji negara itu, menandakan penghantaran pertama beras keluaran domestik ke luar negara khusus bagi ibadah haji tahunan berkenaan.

Pengarah Urusan syarikat milik kerajaan, Bulog, Ahmad Rizal Ramdhani berkata penghantaran itu akan dilaksanakan dalam dua fasa, masing-masing pada 28 Feb dan 4 Mac ini.

"Penghantaran dua peringkat ini bertujuan untuk memastikan keselamatan logistik serta mengekalkan bekalan simpanan sekiranya berlaku gangguan penghantaran, dengan perjalanan laut dianggarkan mengambil masa lima hingga enam minggu," katanya menurut Agensi Berita ANTARA.

Ahmad Rizal berkata konsainan itu dianggarkan bernilai kira-kira Rp150 bilion dan akan berlepas dari Pelabuhan Tanjung Priok di sini ke Pelabuhan Jeddah, Arab Saudi, sebelum pengedaran seterusnya kepada perkhidmatan katering haji dikendalikan oleh pengimport tempatan di negara berkenaan.

Beliau berkata beras itu memenuhi spesifikasi premium yang diminta rakan kerjasama dari Arab Saudi, sambil menambah penghantaran berkenaan membuktikan keupayaan Republik Indonesia untuk membekalkan beras premium secara kendiri untuk jemaah hajinya tahun ini.

Beliau turut memberi jaminan penghantaran itu tidak akan menjejaskan bekalan beras domestik kerana ia disokong oleh perancangan stok yang teliti serta rizab nasional yang mencukupi. - ©BERNAMA

# Polis Australia tumpaskan sindiket dadah, 12 ditahan

**MELBOURNE**, 24 Feb. - Polis di negeri Victoria, Australia menahan 12 individu selepas menumpaskan satu sindiket yang disyaki terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah jenis methamphetamine, lapor Xinhua.

Polis Victoria dalam satu kenyataan pada Selasa memaklumkan detektif di bandar Shepparton, 160 kilometer di utara Melbourne, menahan 12 individu pada Jumaat dan mendakwa enam daripada mereka atas kesalahan mengedar atau kesalahan berkaitan dadah.

Semasa melaksanakan waran geledah berkaitan siasatan itu, pegawai polis menemukandan merampas sejumlah methamphetamine, yang juga dikenali sebagai methylamphetamine, kokain, kanabis dan gamma-hydroxybutyrate (GHB) selain peluru, senjata berbahaya serta kenderaan curi.

Selain enam individu yang didakwa atas kesalahan mengedar dan kesalahan berkaitan dadah, lima lagi didakwa atas kesalahan memiliki dadah dan senjata terlarang. Seorang individu dibebaskan sementara menunggu siasatan lanjut.

Menurut Polis Victoria, detektif di Shepparton telah menahan dan mendakwa hampir seorang pengedar dadah pada setiap minggu sepanjang tahun lalu.

Hampir 40 peratus daripada tangkapan itu berkaitan pengedaran methamphetamine.

Laporan terbaharu 'National Wastewater Drug Monitoring Program' yang diterbitkan pada Ogos 2025 mendedahkan bahawa penduduk Victoria menggunakan 3,455.2 kilogram methamphetamine dalam tempoh 12 bulan hingga Ogos 2024 dan penggunaan di peringkat nasional meningkat 21 peratus tahun ke tahun kepada 12,815 kilogram. - ©BERNAMA

# 7 maut dalam nahas pesawat Medevac di timur Republik India

**NEW DELHI**, 24 Feb. - Tujuh orang maut apabila sebuah pesawat kecil terhempas di timur Republik India pada Isnin malam. Ia terhempas berhampiran Simaria di daerah Chatra, Jharkhand.

Menurut Direktorat Am Penerbangan Awam India (DGCA), pesawat pemindahan perubatan (Medevac) yang membawa tujuh individu termasuk dua kru berlepas dari Lapangan Terbang Ranchi di negeri Jharkhand menuju ke Delhi pada 7.11 malam.

Selepas berhubung dengan kawalan trafik udara Kolkata, pesawat itu meminta lencongan laluan berikutan keadaan cuaca. ".. pada 19:34 (jam), ia terputus komunikasi dan hubungan radar kira-kira 100 batu nautika di tenggara bandar Varanasi," menurut DGCA.

Pesawat jenis Beechcraft C90 itu dikendalikan oleh pengendali perkhidmatan perubatan udara dan sewa khas yang berpangkalan di Delhi, Redbird Airways. Seorang pegawai kanan daerah berkata tiada mangsa yang terselamat dalam nahas itu. - ©BERNAMA

# 4 maut dalam nahas helikopter di Isfahan, Republik Islam Iran

**ISFAHAN (REPUBLIK ISLAM IRAN)**, 24 Feb. - Sebuah helikopter terhempas pada pagi Selasa di Dorcheh, Wilayah Isfahan, mengakibatkan empat kematian, lapor Agensi Berita MEHR.

Maklumat awal menunjukkan helikopter itu terhempas di kawasan Dorcheh, Khomeini Shahr.

Kejadian berlaku dalam kawasan kompleks pasar borong buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan di Dorcheh.

Helikopter berkenaan adalah milik tentera dan sedang digunakan bagi tujuan latihan ketika insiden berlaku.

Juruterbang dan pembantu juruterbang maut dalam nahas itu. Dua orang awam yang mengendalikan gerai di pasar berkenaan turut terkorban akibat kejadian tersebut.

Butiran mengenai punca nahas masih belum diumumkan secara rasmi. - ©BERNAMA

# Jawatankuasa Siasatan Rusia sahkan anggota polis trafik maut dalam letupan di Moscow

**MOSCOW**, 24 Feb. - Jabatan Jawatankuasa Siasatan Rusia di Moscow mengesahkan seorang anggota polis trafik maut dalam satu letupan di hadapan stesen kereta api Savyolovsky di ibu negara Persekutuan Rusia. manakala dua lagi cedera, lapor Agensi Berita Rusia (TASS).

"Akibat tindakan penyerang itu, seorang anggota polis trafik maut dilokasi kejadian. Dua lagi anggota polis dibawa ke hospital bandar untuk diberikan rawatan perubatan," menurut Jawatankuasa Siasatan dalam satu laporan.

Penyerang itu turut maut di tempat kejadian, menurut jabatan Kementerian Dalam Negeri Rusia di Moscow selepas menganalisis rakaman video daripada kamera litar tertutup (CCTV).

Jawatankuasa Siasatan telah membuka kertas siasatan berhubung letupan itu. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# 4 ATLET BDFF BERLEPAS KE JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA



**PERSEKUTUAN Lawan Pedang Brunei Darussalam menghantar empat atlet lawan pedang ke Asian Junior and Cadet Fencing Championship 2026, Jakarta, Republik Indonesia.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Persekutuan Lawan Pedang Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Februari. - Persekutuan Lawan Pedang Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Fencing Federation-BDFF) telah menghantar seramai empat atlet sukan berkenaan ke Asian Junior and Cadet Fencing Championship 2026, Jakarta, Republik Indonesia.

Atlet lawan pedang berkenaan terdiri daripada Awang Hariz bin Zakaria, Awang Zaem Zahieruddin bin Sopian, Awang Khairul Ikhwan Iman bin Haji Khairuddin dan Awang Hanis Irfan bin Abdullah; bersama jurulatih, Yoshea Rayendra Poerawinata.

Pasukan negara hanya akan menyertai Kategori Bawah 21 Tahun (Junior) dalam acara Sabre lelaki individu dan berpasukan yang dijadualkan pada 25 Februari dan 27 Februari 2026 ini nanti.

Menurut jurulatih yang mesra dipanggil Rocky, semua atlet muda yang diketengahkan berkenaan adalah kali pertama mengikuti kejohanan tersebut. Namun, ia adalah sebagai platform serta pendedahan untuk menimba pengalaman dalam kejohanan bertaraf antarabangsa.

Setakat ini katanya, persiapan sedang giat dilaksanakan dari segi latihan-latihan intensif kemahiran mahupun persediaan dari segi mental dan fizikal para atlet.

Apa yang diharapkan ialah melalui perlawanan berprestij berkenaan, para atlet akan lebih bersemangat dengan keyakinan diri yang jitu untuk menampilkan satu prestasi yang baik demi mengharumkan nama negara.

Sebanyak 25 negara dari rantau Asia dengan keramaian 422 atlet akan bertanding dalam Kategori Bawah 21 Tahun pada kejohanan berkenaan yang berlangsung di Jakarta International Convention Center bermula dari 20 hingga 27 Februari 2026.

# TM cadang virtual Taekwondo di Sukan SEA 2027

**KUALA LUMPUR**, 24 Feb. - Taekwondo Malaysia (TM) bercadang memperkenalkan disiplin baharu sukan taekwondo iaitu virtual taekwondo pada Sukan SEA Malaysia 2027 ini, selain mengekalkan dua disiplin sedia ada iaitu kyorugi dan poomsae.

Pengarah Teknikal TM, R. Dhanaraj berkata pengenalan disiplin baharu itu berpotensi membuka peluang besar bagi Malaysia menambah koleksi pingat pada temasya sukan dwitahunan edisi ke-34 itu.

"Virtual taekwondo menyerupai kyorugi tetapi atlet perlu memakai gajet seperti gogal untuk beraksi. Atlet bertindak sebagai model yang dipaparkan dalam gogal itu.

"Apabila atlet menendang atau menumbuk, figura maya turut meniru pergerakan tersebut. Ia seakan permainan video, tetapi sepenuhnya menggunakan pergerakan fizikal sendiri," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa kerja di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil di sini, hari ini.

Beliau berkata hasrat memperkenalkan virtual taekwondo pada Sukan SEA 2027 juga didorong oleh kejayaan seorang atlet negara memenangi emas pada sebuah kejohanan di Kemboja, bulan lepas.

Katanya TM turut memperkenalkan idea ini kepada negara-negara serantau, dan rata-rata memberi maklum balas positif mengenai pengenalan disiplin baharu itu pada Sukan SEA akan datang.

Virtual taekwondo merupakan sukan tempur tanpa sentuhan, menggunakan penderia penjejak gerakan pada anggota badan seperti paha dan tulang keting untuk menterjemah sepakan dan tangkisan dunia nyata ke dalam persekitaran maya.

Sukan SEA 2027 dijadualkan berlangsung dari 18 hingga 29 Sept, dengan acara-acara bakal diadakan di empat kluster melibatkan Sarawak, Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan lain, Dhanaraj berkata seramai 13 atlet kyorugi negara termasuk pemenang emas Sukan SEA 2023, Muhammad Syafiq Zuber akan menjalani latihan intensif selama sebulan bermula 28 Feb ini di Bangkok.

Katanya latihan tersebut sebagai persiapan atlet berkenaan memburu slot ke Sukan Asia 2026 di Aichi-Nagoya, Jepun, menerusi sesi kelayakan di Mongolia pada Mei ini.

Sukan Asia 2026 dijadualkan berlangsung di Aichi-Nagoya, Jepun bermula 19 Sept hingga 4 Okt ini. - ©BERNAMA

# Wei Chong tekad beraksi di Birmingham meskipun cedera lutut

**KUALA LUMPUR**, 24 Feb. - Pemain beregu lelaki negara Man Wei Chong bertekad untuk menyertai Kejohanan Badminton Seluruh England 2026 meskipun masih belum pulih sepenuhnya daripada tiga kecederaan pada lutut kanan.

Pemain berusia 27 tahun itu berkata keputusan berkenaan dibuat atas keyakinan terhadap proses pemulihan yang sedang dilalui serta kepercayaan bersama barisan perubatan.

"…namun sampai kejohanan pada Januari tahun ini, saya rasa memang sakit dan tidak boleh tahan. Jadi, saya pergi buat pemeriksaan MRI (pengimejan resonans magnetik). Ada tiga kecederaan dekat lutut kanan, iaitu anterior cruciate ligament(ACL), kecederaan meniskus sertachondral.

"Paling kecil ACL tapi ada dua lagi tu tahap 2 macam itu lah," katanya selepas sesi latihan di Akademi Badminton Malaysia, Bukit Kiara di sini hari ini.

Kecederaan pada lutut kanan itu menyebabkan beliau mengurangkan latihan di gelanggang sejak dua minggu lepas, dengan memberi tumpuan kepada latihan gimnasium serta proses pemulihan sebelum kembali meningkatkan intensiti latihan di gelanggang minggu ini.

"Ini memang kena ambil masa sebab dua minggu sebelum Tahun Baharu Cina saya pun baru buat suntikan PRP (Platelet-rich Plasma) tapi ada okeylah. Belum pulih sepenuhnya,ambil masa agak panjang.

"Sebab sekarang kami ada bincang dengan fisioterapi dan doktor Institut Sukan Negara (ISN), jadi doktor percaya saya dan saya kena percaya diri sendiri. Jangan sebab kecederaan nak memperlahankan rentak. Jangan fikir banyak sangat, kalau ada peluang masuk gelanggang memang buat yang terbaik," katanya.

Beliau turut memaklumkan akan menjalani pemeriksaan lanjut bersama doktor pada Khamis ini bagi menilai perkembangan terkini kecederaan itu, sekali gus menentukan tahap kesediaannya menjelang kejohanan berprestij berkenaan.

Edisi 2026 kejohanan tertua di dunia itu dijadualkan berlangsung di Utilita Arena Birmingham dari 3 hingga 8 Mac ini. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HIDUPKAN LAILATULQADAR, PAHALA DILIPATGANDAKAN